

# Relevankah perpustakaan yang luas?

Perpustakaan merupakan salah satu tempat yang sangat penting terutamanya di Institusi Pengajian Tinggi. Ia bukan sahaja tempat mendapatkan bahan bercetak; mendapatkan tunjuk ajar kaedah pencarian bahan yang lebih sistematik; tempat yang selesa untuk mengulang kaji pelajaran, membuat perbincangan, menonton dan sebagainya.

Kini, fungsi perpustakaan lebih luas kerana perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan juga lebih baik berbanding dahulu. Kemudahan auditorium bagi tujuan program universiti yang dapat memuatkan 205 peserta dalam satu-satu masa. Selain itu, kemudahan bilik seminar yang mampu memuatkan 60 peserta dalam bentuk bengkel dan melebihi 100 peserta dalam kapasiti ceramah. Bilik media dilengkapi dengan kemudahan pemain DVD, televisyen, sistem AV dan dilengkapi dengan saluran ASTRO. Semua kemudahan yang disediakan bagi mendekatkan perpustakaan dengan pengguna dan juga mengajak pengguna ke perpustakaan.

Ramai berpendapat masih

relevankah perpustakaan dalam bentuk fizikal yang luas sedangkan sebahagian bahan dapat diperoleh secara atas talian. Realiti di Perpustakaan UMP yang hanya mempunyai 56,383 naskah bahan bercetak meliputi semua bidang umum, bidang sains, teknologi dan kejuruteraan. Daripada jumlah tersebut, sekitar 19,453 (35%) sahaja dalam bidang kejuruteraan dan 1,236 naskah (2%) dalam bidang teknologi dan 3,424 (6%) dalam bidang sains.

Berbanding bahan atas talian sebanyak lima buku elektronik (*e-books*) dan 16 jurnal elektronik. Bayangkan sekiranya satu *e-books* dapat memuatkan lebih 2,000 naskah *e-books* dan pangkalan data pula ratusan judul yang dilanggan di mana setiap judul mempunyai puluhan bilangan. Contohnya, *e-books E-Brary* sahaja mempunyai lebih 52,000. Manakala jurnal elektronik IEEEExplore mempunyai 2.9 juta. Jumlah keseluruhan bahan atas talian memang tidak dapat ditandingi oleh bahan bercetak.

Jika dilihat nisbah bahan atas talian dan bahan bercetak, sudah pasti ramai beranggapan

perpustakaan sewajarnya memerlukan ruang yang lebih kecil berbanding keluasan sekarang kerana bahan atas talian lebih banyak untuk dijadikan rujukan oleh pengguna. Perpustakaan juga memberi fokus kepada bahan atas talian kerana penggunaannya tidak terhad dalam satu-satu masa. Ia juga selaras dengan perkembangan teknologi masa kini.

Namun begitu, kemudahan fizikal dan ruang untuk pengguna tidak boleh diabaikan. Mengikut "Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos Bagi JPPN Jabatan Perdana Menteri tahun 2005", keluasan ruang pengguna perpustakaan mestilah dapat menampung 30 peratus bilangan pelajar dan 20 peratus bilangan staf. Ini bermakna keluasan ruang bacaan mestilah dapat menampung sekitar 1,711 pengguna dalam satu-satu masa.

Ramai beranggapan ruang perpustakaan terlalu besar, hakikatnya keluasan tersebut berdasarkan keperluan ruang dan menjadikan ia nampak luas apabila kurangnya pengguna di perpustakaan.

Memang tidak dinafikan ramai kalangan pelajar yang lebih gemar mengulang kaji di fakulti mereka atau tempat terbuka yang disediakan di serata tempat di dalam kampus. Tambahan pula dengan keprihatinan pihak universiti menyediakan akses wifi percuma membolehkan mereka mendapatkan bahan atas talian tanpa perlu ke perpustakaan.

Bilakah saat perpustakaan begitu penting buat para pelajar? Jawapannya adalah di musim peperiksaan. Jika anda berpeluang, datanglah ke perpustakaan sewaktu musim peperiksaan iaitu sebulan sebelum bermulanya peperiksaan. Semua bilik perbincangan dan ruang pengguna tidak lekang oleh para pelajar yang gemar menjadikan perpustakaan sebagai tempat mentelaaah.

Alangkah baiknya jika budaya ini dapat diteruskan di luar musim peperiksaan di samping mengoptimumkan penggunaan bahan bercetak. Marilah kita sama-sama memanfaatkan kemudahan yang kita ada untuk faedah diri sendiri, agama, bangsa dan negara!

